

RM787 juta bangun kembali Stadium Shah Alam

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Shah Alam: Stadium Shah Alam yang bagaikan 'rumah hantu' akan berwajah baharu apabila bakal dibangunkan semula menerusi kerjasama antara kerajaan negeri Selangor dengan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) membabitkan kos keseluruhan dianggarkan RM787 juta.

Kerjasama antara dua pihak itu termeterai selepas kerajaan negeri menyerahkan Surat Niat (LOI) kepada MRCB bagi cadangan terperinci mengenai pembangunan baharu Stadium Shah Alam yang berusia hampir 30 tahun dan kawasan sekitarnya.

LOI itu disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haris Kasim kepada Naib Presiden Eksekutif MRCB, Datuk Dell Akbar Khan Hyder Khan dalam satu majlis yang berlangsung di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Berdasarkan terma LOI terbabit, MRCB akan mengadakan perbincangan yang lebih mendalam dengan kerajaan negeri mengenai rancangan pembangunan kompleks sukan dan fasiliti sekitarnya.

Dengan kos pembangunan semula Stadium Shah Alam yang



Haris (dua dari kiri) menyerahkan surat niat kepada Dell Akbar Khan bagi pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam sambil disaksikan Amirudin (tiga kiri) di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar / BH)

melan belanja sehingga RM787 juta, kompleks baharu stadium keramat itu dijangka lebih baik daripada Stadium Anfield, iaitu gelanggang rasmi kelab Liverpool di England.

Itu rumusan diberikan Menteri Besar Selangor, Datuk Amirudin Shari ketika diminta mengulas mengenai projek pembangunan semula kompleks stadium berkenaan.

"Hasil daripada penilaian dan kajian terbaharu yang dilakukan, secara teknikalnya adalah lebih berbaloi kita bangun semula

dengan stadium baharu. Kita perlu pastikan bahawa kosnya tidak terlalu tinggi dan mereka akan bekerja dengan bajet RM787 juta itu.

"Pembangunan semula dengan kos yang sekali ganda daripada pembinaan stadium ini boleh dianggap sebagai bangunan baharu. Kita rujuk dengan MRCB di mana mereka juga bangun semula Stadium Nasional Bukit Jalil yang berwajah baharu.

"Cuma kita belum muktamadkan sama ada untuk wujudkan satu ataupun dua stadium," katanya pada sidang media selepas ma-

lis berkenaan.

Manfaat akses sedia ada

Projek terbabit akan memanfaatkan akses dan kelebihan sedia ada di kawasan itu seperti lokasi strategiknya dan jaraknya dekat dengan stesen bagi laluan LRT3 yang dijadualkan beroperasi menjelang 2024.

Terdahulu, media melaporkan Stadium Shah Alam yang pernah dinobatkan sebagai terbesar di Asia Tenggara dan menjadi stadium rasmi bagi pasukan bola sepak Red Giants, didakwa akan diroboh

dan digantikan dengan stadium baharu lebih kecil.

Stadium baharu berkenaan dikatakan berkapasiti 30,000 hingga 40,000 penonton supaya mudah dijaga dan diselenggara berbanding Stadium Shah Alam sekarang yang berkeluasan kira-kira 155,000 meter persegi dengan 80,000 kapasiti penonton.

Amirudin berkata, MRCB dilantik selepas melalui proses pemilihan ketat yang menyaksikan 15 syarikat lain mengambil bahagian termasuk syarikat antarabangsa dan syarikat tersenarai awam lain.

Sementara itu, Dell menzahirkan rasa terima kasih kepada kerajaan negeri atas keyakinan terhadap syarikat terbabit untuk merangka pelan pembangunan bagi projek itu.

"Kami memahami perhatian dan tumpuan diberikan terhadap projek ini terutamanya sentimen rakyat Selangor yang membesar dengan Stadium Shah Alam yang amat dekat dihati mereka.

"Kami juga mengalu-alukan maklum balas orang ramai agar kami dapat mengemukakan satu cadangan yang mengambil kira kepentingan setiap pihak terutamanya orang awam dan kerajaan negeri," katanya.